

KENYATAAN MEDIA

LAWATAN KERJA MENINJAU PERKEMBANGAN PROJEK INISIATIF PENJIMATAN TENAGA DI KAMPUS INDUK UNIVERSITI SAINS MALAYSIA, PULAU PINANG

Pada hari ini, saya bersama delegasi Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) bersama Suruhanjaya Tenaga telah membuat satu lawatan kerja ke kampus induk Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang bagi meninjau perkembangan projek inisiatif-inisiatif penjimatan tenaga di kampus tersebut.

Selaku ketua delegasi NRECC, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada seluruh warga USM, khususnya pihak pengurusan tertinggi Universiti atas kesedaran dan iltizam USM dalam merealisasikan agenda kelestarian di kampusnya.

Dalam taklimat yang telah disampaikan oleh pihak USM, kami telah dimaklumkan bahawa Projek Inisiatif Penjimatan Tenaga di USM yang telah dibangunkan sejak tahun 2013 ini merupakan salah satu usaha menjayakan konsep 'kampus lestari' melalui pembangunan infrastruktur penjana tenaga boleh baharu dalam kampus.

Penjana tenaga boleh baharu melalui pemasangan sistem solar fotovoltaik di kampus tersebut kini dianggarkan mewakili lebih 30% daripada jumlah keseluruhan penggunaan tenaga di kampus USM Pulau Pinang iaitu bersamaan dengan kira-kira 10 MWp.

Untuk makluman, hasil daripada perancangan proaktif pihak pengurusan dalam melaksanakan dasar kecekapan tenaga ini juga, kos utiliti tahunan USM telah berjaya dikurangkan daripada RM18 juta pada tahun 2014, kepada RM12 juta pada tahun 2022.

Selain meningkatkan langkah penjimatan, usaha menambah baik ekosistem penjana tenaga di kampus ini juga secara tidak langsung turut membantu dalam mengurangkan kadar pencemaran karbon dioksida (CO₂) terhadap alam sekitar.

NRECC menyambut baik cerita-cerita kejayaan (*success stories*) berkenaan dasar-dasar cekap dan peralihan tenaga, terutamanya di institusi-institusi pengajian tinggi yang merupakan pusat perkongsian ilmu di tahap tertinggi di kalangan masyarakat setempat.

Justeru, saya menyeru agar lebih banyak kampus-kampus pengajian di Malaysia untuk turut sama mempelopori idea-idea dan inisiatif baharu penjana tenaga demi membentuk masyarakat peka tenaga yang lebih cakna berkenaan usaha-usaha menjaga kelestarian industri tenaga dan alam sekitar di Malaysia secara lebih menyeluruh.

NIK NAZMI NIK AHMAD
MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM
19 JULAI 2023

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia